JEGADEVAN A/L NADCHATIRAM & 2 LAGI

lwn.

VIJAYALAKSHMI DEVI A/P NADCHATIRAM & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. (42)28-2-88]
29 JUN 1994

UNDANG-UNDANG SYARIKAT*: Syarikat keluarga - Syarikat dalam liquidasi - Responden pertama mendapat perintah menggunakan nama syarikat dalam memulakan tindakan undang-undang tanpa keizinan pemegang saham/kontributori yang lain - Permohonan untuk mengenepikan perintah - Samada terdapat perlanggaran hak asasi pemegang saham/ kontributori yang lain - Samada responden kedua melampaui batas kuasa pentadbirannya - Samada responden kedua menggunakan budi bicaranya dengan bona fide menurut s. 237(4) Akta Syarikat 1965.*

Responden pertama telah mendapat perintah untuk menggunakan nama syarikat Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. (syarikat tersebut) dalam prosiding undang-undang. Pada masa-masa yang material syarikat tersebut berada dalam likuidasi. Para pemohon, yang merupakan pemegang saham dan kontributori yang lain dalam syarikat tersebut, telah memohon, antara lain, supaya perintah-perintah yang diperolehi oleh responden pertama diketepikan.

Persoalan yang timbul ialah samada adil atau tidak membenarkan responden pertama memulakan prosiding terhadap pemegang-pemegang saham yang lain dalam syarikat tersebut dengan menggunakan dan melibatkan nama syarikat tersebut dan seterusnya mengendalikan tindakan-tindakan yang bakal diambil terhadap pemegang-pemegang saham yang lain bagi pihak syarikat tersebut.

Diputuskan:

[1] Adalah jelas dan nyata daripada Laporan Pegawai Penerima di bawah s. 243(2) Akta Syarikat 1965 (Akta tersebut) bahawa syarikat tersebut adalah sebuah syarikat keluarga yang dianggotai oleh ahli-ahli keluarga Muttucumaru Nadchatiram termasuk para pemohon dan responden pertama. Jadi adalah terang dan jelas daripada prinsip keadilan asasi sahaja bahawa sekiranya ada sebarang tindakan terhadap seseorang ahli keluarga Muttucumaru Nadchatiram yang dimulakan oleh seorang ahli keluarganya yang lain, yang menjadi hal-perkara bakal sesuatu tindakan sivil yang belum lagi dibicarakan sepenuhnya, sudah cukup untuk membenarkan permohonan pemohon ini.

[2] Adalah terang bahawa para pemohon tidak dapat mematuhi Kaedah 64, Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 oleh kerana mereka tidak mengetahui bahawa responden pertama ada memohon perintah untuk menguasai syarikat tersebut dan Pegawai Penerima telah bertindak secara salah dengan tidak memberitahu para pemohon mengenainya. Penyerahan Notis melalui ekshibit afidavit adalah tidak mencukupi sebagai notis penuh oleh kerana perkara sepenting ini sepatutnya dimaklumkan melalui penyerahan biasa dan normal.

[3] Adalah nyata bahawa peninggalan pemakaian prinsip keadilan asasi telah meninggalkan kesan terhadap inti keputusan yang telah dibuat membolehkan responden pertama menggunakan nama syarikat tersebut. Ini telah menjejaskan kepercayaan dan kedudukan para pemohon sebagai pemegang saham.

[4] Disamping itu, responden kedua telah tidak bertindak secara saksama dan terdapat percanggahan tanggungjawab dan kepentingan yang telah dilakukan olehnya. Oleh hal yang demikian responden kedua telah melampaui batas kuasa pentadbirannya dengan tidak memberi perhatian terhadap apa-apa arahan yang diberi oleh penyumbang (iaitu pemohon dalam kes ini).

[5] Memandangkan kandungan Lapuran Pegawai Penerima di bawah s. 243(2) Akta tersebut, yang mengatakan diantara lain bahawa syarikat tersebut mampu membayar hutangnya dan patut dibenarkan untuk hidup semula, ia adalah jelas bahawa responden kedua tidak menggunakan budi bicaranya dengan *bona fide* dalam menguruskan hal-ehwal dan harta syarikat tersebut menurut s. 237(4) Akta tersebut.

[Permohonan pemohon dibenarkan dengan kos].

Kes yang dirujuk:
Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. v. Nordin bin Salleh & Anor. [1992] 2 CLJ 1140, SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Companies (Winding-up) Rules 1972, r. 64
Akta Syarikat 1963, ss. 243(2), 237(4)

Sumber lain yang dirujuk:
The Law of Company Liquidation, Third Edn., J. O. Donovan

Bagi pihak pemohon - N. Saraswathy; T/n N. Saraswathy & Co.
Bagi pihak responden - S. Satha; T/n Satha & Subra

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Melalui suatu notis usul bertarikh 9 Mei 1994 (Lampiran 71) para pemohon telah memohon:

(a) that the order given by this Honourable Court on 24 January 1994 upon the application of Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram be aside;

(b) that the order of this Court dated 7 January 1991 granting leave to Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram to bring, prosecute or defend any action for and on behalf of Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. be vacated or revoked;

(c) that the official receiver and liquidator of Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. (In liquidation) be ordered that no consent shall be given to Vijayalaksmi d/o Nadchatiram to add or include Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. (in liquidation) as plaintiff or co-plaintiff or to be made a party to any proceedings unless with the express consent of all its contributories/shareholders;

(d) that Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram be restrained from making any *ex parte* application to the Court in connection with Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. as a party to any proceedings unless with the consent of all the contributories of Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd.;

(e) that Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram do forthwith deposit with the Court sufficient sum so as to cover the party and party costs and counterclaim of the defendant in Seremban High Court civil suit no: 22-34-91 and all the other proceedings being institued and/or defended by Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. pursuant to the order of the Court dated 7 January 1991;

(f) that Vijayalakshmi Devi d/o Nadchatiram be ordered to pay the costs of this application forthwith to the applicants;

(g) further or other order as this Honourable Court may deem fit.

Notis usul tersebut telah disokong oleh suatu afidavit bertarikh 9 Mei 1994 yang telah diikrarkan oleh para pemohon.

Pada hari perbicaraan 22 Jun 1994 para pemohon telah menarik balik permohonan (b) dan (e) dalam Lampiran (71).

Persoalan penting di sini sama adil atau tidak membenarkan responden yang berhasrat memulakan prosiding terhadap pemegang-pemegang saham/kontributori yang lain dalam syarikat Nadchatiram Realities (1960) Sdn. Bhd. (syarikat tersebut) menggunakan dan melibatkan nama syarikat tersebut dan seterusnya mengendalikan tindakan-tindakan yang bakal diambil terhadap pemegang-pemegang saham/kontributori yang lain itu bagi pihak syarikat tersebut. Adalah jelas dan nyata daripada laporan pegawai penerima di bawah s. 243(2) Akta Syarikat 1965 (lampiran 52) bahawa syarikat tersebut adalah sebuah syarikat keluarga yang dianggotai oleh ahli-ahli keluarga Muttucumaru Nadchatiram termasuk para pemohon dan responden pertama (lihat ekshibit "LKC-1" dalam laporan pegawai penerima itu). Jadi adalah terang dan jelas daripada prinsip asasi sahaja maka sekiranya ada sebarang tindakan terhadap seseorang ahli keluarga Muttcumaru Nadchatiram yang lain, memandangkan masing-masing adalah pemegang saham/kontibutori dalam syarikat tersebut mengenai sebarang pengataan "misfeasance, breach of trust, unlawful transfers of property and misappropration and conversion of monies" yang menjadi suatu hal-perkara bakal sesuatu tindakan sivil yang belum lagi dibicarakan sepenuhnya melalui saksi-saksi dan diputuskan lagi; apatah lagi dengan adanya beberapa pengataan (allegation) yang bercanggah melalui afidavit-afidavit dan hujah-hujah bertulis beserta dengan lampiran yang dikemukakan dalam kes ini, sudah cukup untuk membenarkan permohonan pemohon ini. Telah dihujahkan oleh Peguambela yang bijaksana bagi pihak responden pertama bahawa:

> In view of the resolutions and transfers of property, the doctrine of substantive fairness can be invoked against the first and second applicants. Under the doctrine of substantive fairness, the first and second applicants cannot complain of breach of natural justice if it can be shown affording a hearing to them before making the order dated 24 January 1994 would have been a useless formality because whatever they might have said could have made no difference to the result or that there was no prejudice. In another words, nothing could have been said that would affect the outcome.

(Lihat Notes of Further Submission of Counsel for first respondent dated 13 June 1994).

Adalah jelas dan nyata bahawa tiada yang lebih salah dan mengelirukan daripada apa yang dihujahkan di atas. Pertamanya, seperti yang dijelaskan pada mula-mula tadi bahawa "resolutions and transfers of property" ini masih menjadi hal-perkara bakal satu tindakan sivil yang belum lagi dimulakan perbicaraannya melalui saksi-saksi yang akan dipanggil. Memutuskan isu yang masih belum diputuskan oleh Mahkamah adalah suatu perkara yang bertentangan sama sekali dengan prinsip keadilan asasi dan "doctrine of substantive fairness" yang diutarakan itu. Dalam kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. v. Nordin bin Salleh & Anor.* [1992] 2 CLJ 1140, SC telah diputuskan bahawa:

> A denial of the opportunity of being heard is a wrong which is personal to the party aggrieved. If therefore such a party does not complain, it is not the affair of others to complain ... In any event the Court may invoke the doctrine of substantive fairness the effect of which is that natural justice may impinge upon the substance of a decision.

Dalam kes di hadapan saya, adalah terang bahawa para pemohon tidak dapat mematuhi r. 64 of the Companies (Winding-up) Rules 1972 oleh kerana mereka tidak mengetahui bahawa responden pertama ada memohon perintah untuk menguasai syarikat tersebut dan pegawai penerima telah bertindak secara salah dengan tidak memberitahu para pemohon mengenainya. Penyerahan notis melalui ekshibit afidavit adalah tidak mencukupi sebagai notis penuh oleh kerana perkara sepenting ini sepatutnya dimaklumkan melalui penyerahan biasa dan normal.

Adalah nyata bahawa peninggalan pemakaian prinsip keadilan asasi telah meninggalkan kesan terhadap inti keputusan yang telah dibuat pada 24 Januari dan 7 Januari 1991. Ini telah menjejaskan kepercayaan dan kedudukan para pemohon sebagai pemegang saham/ kontributori. Responden kedua telah tidak bertindak secara saksama (impartial) dan terdapat percanggahan tanggungjawab dan kepentingan yang telah dilakukan olehnya.

> It is a fundamental principle of equity that persons who occupy fiduciary position shall not permit their personal interests to conflict with the interests of those whom it is their duty to protect ...
>
> In *Gooh's* case [1871] 7 Ch. App 207 at 211, it was stated to be: "of the utmost importance that the liquidator should ... maintain an even and impartial hand between all inviduals whose interests are included in winding up. He should have no leaning for or against any individual whatever.

(Lihat *The Law of Company Liquidation*, Third Edition by J. O'Donovan).

Oleh hal yang demikian saya berpendapat dan memutuskan bahawa responden kedua telah melampaui batas kuasa pentadbirannya dan beliau telah tidak memberi perhatian terhadap apa-apa arahan yang diberi oleh peyumbang (iaitu para pemohon dalam kes ini) dan apa-apa arahan tersebut mengatasi apa-apa arahan yang diberi oleh jawatankuasa pemeriksaan. Dan lagi responden kedua sepatutnya boleh memanggil mesyuarat agung penyumbang bertujuan untuk memastikan harapan mereka (yang tidak dilakukan di sini) dan sepatutnya responden kedua boleh memohon daripada Mahkamah arahan terhadap apa-apa perkara tertentu yang timbul daripada penggulungan tersebut. Jadinya dengan adanya laporan pegawai penerima di bawah s. 243(2) Akta Syarikat 1965 yang menyebut bahawa:

> Memandangkan syarikat ini mampu membayar hutangnya pegawai penerima dan pelikuidasi berpendapat bahawa syarikat ini patut dibenarkan untuk hidup semula supaya apa-apa pertengkaran bolehlah diselesaikan mengikut "Memorandum and Articles of Association" syarikat ini.

(Lihat perenggan 14 laporannya bertarikh 16 Mac 1994).

Oleh itu saya berpendapat responden kedua tidak menggunakan budi bicaranya dengan *bona fide* dalam menguruskan hal-ehwal dan harta syarikat tersebut menurut s. 237(4) Akta Syarikat 1965.

Dengan alasan di atas saya membenarkan perintah seperti dipohon bagi permohonan (a), (c), (d) dan (f) dan kos hendaklah ditaksirkan dan kemudian hendaklah dibayar kepada para pemohon dengan serta merta.

Penarikan balik permohonan (b) dan (e) dibenarkan. Kos diberikan kepada para responden. Kos hendaklah ditaksirkan dan kemudian hendaklah dibayar kepada para responden dengan serta merta.